



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**25 Disember 2021**

### **STATUS BAIK PULIH INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI YANG TERJEJAS**

#### **AKIBAT BANJIR**

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan bahawa sehingga 25 Disember 2021 jam 10.00 pagi, sebanyak 752 dari 1028 infrastruktur komunikasi telah dibaik pulih bersamaan 73% dari jumlah keseluruhan lokasi yang terjejas. Manakala baki 276 lokasi menara komunikasi kini masih dalam proses baik pulih.

Antara infrastruktur komunikasi yang terjejas akibat banjir besar yang melanda adalah di negeri Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berikut merupakan jumlah lokasi menara komunikasi yang terjejas mengikut Daerah di negeri:

<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>TIDAK BEROPERASI</b>	<b>BEROPERASI</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	JELEBU	11	43	54
	KUALA PILAH	1	0	1
	PORT DICKSON	0	5	5
	REMBAU	0	3	3
	SEREMBAN	0	5	5
<b>PAHANG</b>	BENTONG	33	81	114
	BERA	32	13	45
	JERANTUT	3	33	36
	KUANTAN	17	123	140
	LIPIS	4	46	50
	MARAN	12	8	20
	PEKAN	1	2	3
	RAUB	1	15	16
	TEMERLOH	43	93	136

<b>KELANTAN</b>	GUA MUSANG	13	3	16
<b>SELANGOR</b>	PETALING	35	103	138
	KUALA LANGAT	7	9	16
	KLANG	21	84	105
	SEPANG	21	47	68
	KUALA SELANGOR	15	3	18
	HULU LANGAT	8	13	21
	GOMBAK	1	0	1
	SABAK BERNAM	0	0	0
	HULU SELANGOR	0	0	0
	<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	PUTRAJAYA	0	7
KUALA LUMPUR		4	6	10
<b>JUMLAH</b>		<b>283</b>	<b>745</b>	<b>1028</b>

Terdapat 25 buah Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) turut terjejas, antaranya di negeri Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Kini, 13 PEDi telah beroperasi seperti sedia kala dan 12 PEDi masih di dalam proses baik pulih.

Sehingga hari ini tiada kes insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan. Pihak MCMC dan penyedia perkhidmatan akan terus bekerjasama dalam memastikan perkhidmatan telekomunikasi akan beroperasi sepenuhnya tidak lama lagi.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

